

Tempoh langganan: 04 sehingga 22 Mei 2015

Dengan CASTOR INTERNATIONAL

RELAIS 2015

**Melabur
dalam VINCI!**

**SAHAM
BONUS
GERAN***

*TERTAKLUK KEPADA
PELABURAN PERMULAAN
(LIHAT PROSEDUR DI BAWAH)



“

Sekali lagi untuk tahun ini, VINCI menawarkan skim simpanan «CASTOR INTERNATIONAL» di 27 buah negara di seluruh dunia, termasuk Bahrain, Cambodia, Malaysia, dan United Arab Emirates buat pertama kali.



Xavier Huillard
pengerusi & ketua pegawai eksekutif

Pada 2015, hampir 70% pekerja di luar Perancis akan dirangkumi oleh skim ini, menunjukkan komitmen kami untuk berkongsi hasil pendapatan VINCI. Izinkan saya untuk mengambil peluang ini untuk mengingatkan anda bahawa tawaran ini membolehkan anda melabur di dalam Kumpulan dan berkongsi keuntungannya dengan membeli saham-saham VINCI melalui dana CASTOR INTERNATIONAL Relais 2015 (dana pemegangan saham sementara kepada pekerja).

Saya meminta agar anda membaca brosur ini dan semua dokumen sokongan dengan teliti. Saya berharap ramai di kalangan anda akan menyertai skim simpanan ini, yang direka khusus untuk anda.

”

VINCI pada 2014:

Anggaran **38** bilion hasil pendapatan

266,000 projek setiap tahun

186,000 pekerja di seluruh dunia, termasuk 85,000 di luar negara Perancis

VINCI, kumpulan antarabangsa yang teguh

VINCI, peneraju dunia dalam konsesi dan pembinaan, mempunyai hampir 186,000 pekerja di lebih kurang seratus negara. Misi kami adalah untuk mereka, membina, membiaya dan mengendalikan infrastruktur dan fasiliti yang membantu meningkatkan taraf kehidupan harian dan mobiliti untuk semua: infrastruktur

pengangkutan, bangunan-bangunan awam dan persendirian, pembangunan urban, air, rangkaian tenaga dan komunikasi. Cita-cita kami adalah untuk mewujudkan nilai jangka panjang untuk para pelanggan, pemegang saham, pekerja, rakan kongsi dan untuk masyarakat pada amnya.


CASTOR

Lebih daripada 120,000 pekerja adalah pemegang saham Kumpulan VINCI melalui keahlian dalam pelan CASTOR. Pada 2015, untuk empat tahun berturut dan berasaskan skop yang lebih luas untuk skim tersebut, VINCI menawarkan kepada majoriti tenaga kerjanya peluang untuk menjadi pemegang saham dalam Kumpulan dengan tawaran khusus dan syarat-syarat istimewa melalui dana pemegangan saham pekerja yang dilaburkan dalam saham-saham VINCI. CASTOR INTERNATIONAL 2015 dikhususkan untuk 60,000 pekerja di 27 buah

negara: Australia, Austria, Bahrain, Belgium, Brazil, Cambodia, Kanada, Chile, Republik Czech, Germany, Hong Kong, Indonesia, Luxembourg, Malaysia, Maghribi, Belanda, Poland, Portugal, Romania, Singapura, Slovakia, Sepanyol, Sweden, Switzerland, United Arab Emirates, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Dengan melanggan tawaran ini, anda boleh menerima sehingga 80 saham VINCI percuma (lihat jadual di bawah) selepas tiga tahun dan memperuntukkan simpanan dalam jangka sederhana.

Pergerakan dalam harga saham VINCI dalam tempoh dari 1 Januari 2005 sehingga 31 December 2014 (dalam €):
berbanding dengan index saham Eropah utama dalam sektor pembinaan (Euro STOXX Const & Mat) dan harga-harga saham syarikat-syarikat besar dalam pasaran dunia (MSCI World Large Cap)



NB: prestasi saham sebelum ini bukanlah jaminan hasil di masa depan.

Harga saham VINCI dikemaskini setiap hari dalam bahagian KEWANGAN laman web www.vinci.com.



Purata prestasi saham tahunan dari 01/01/2005 sehingga 31/12/2014 (dalam €)

Saham VINCI	Euro STOXX Const & Mat	MSCI World Large Cap
6.5%	2.1%	3.8%

Langgani saham pada **terma-terma keutamaan!**

Skim 2015 CASTOR INTERNATIONAL menawarkan peluang kepada anda untuk membuat simpanan untuk tempoh tiga tahun, dengan faedah-faedah berikut:

- Sumbangan kewangan oleh syarikat dalam bentuk sehingga 80 saham VINCI bonus

VINCI akan memadankan simpanan anda dengan geran saham bonus, dikira mengikut nisbah pembelian saham. Peraturan tersebut memihak kepada penyimpanan berskala kecil dengan 10 saham pertama yang dilanggan layak untuk menerima 20 saham yang diberi secara percuma.

**SAHAM
BONUS
GERAN**

Apabila anda melanggan sehingga bersamaan ⁽¹⁾ dengan	Syarikat anda akan memberikan anda saham bonus sehingga ⁽²⁾	Atau jumlah sehingga ⁽²⁾
1 sehingga 10 saham	2 saham bonus bagi setiap 1 saham yang dilanggan, daripada saham pertama	20 saham bonus (10 saham x 2)
11 sehingga 40 saham (10 saham + 30 saham)	1 saham bonus untuk setiap 1 saham yang dilanggan, daripada saham ke-11	50 saham bonus (10 saham x 2) + (30 saham x 1)
41 sehingga 100 saham (10 saham + 30 saham + 60 saham)	1 saham bonus untuk setiap 2 saham yang dilanggan, daripada saham ke-41	80 saham bonus (10 saham x 2) + (30 saham x 1) + (60 saham x 1/2)

Untuk pengiraan:

⁽¹⁾ Bilangan saham yang dilanggan dalam pengiraan-pengiraan ini sama dengan jumlah pelaburan permulaan anda, dibahagi dengan harga langganan saham VINCI, dibulatkan kepada nombor genap lebih kecil yang berikutnya.

⁽²⁾ Bilangan saham bonus yang diberikan dibulatkan kepada nombor genap lebih kecil yang berikutnya.

Nota penting: anda berhak ke atas saham bonus di bawah pelan langganan saham ini. Saham bonus hanya diberikan dengan syarat anda masih lagi pekerja Kumpulan VINCI pada penghujung tempoh tiga tahun, iaitu pada 16 Jun 2018. Walau bagaimanapun, beberapa peraturan terpakai kepada hak-hak saham bonus semasa tempoh ini:

Perkara berlaku semasa tempoh sekatan tiga tahun	Pengendalian hak-hak saham bonus
<ul style="list-style-type: none">• Benefisiari meninggal dunia atau hilang upaya• Persaraan atau pemberhentian kerja (atas sebab selain daripada salah laku)• Syarikat tempat anda bekerja tidak lagi berada dalam skop syarikat-syarikat yang berkelayakan*• Pertukaran majikan dan negara dalam Kumpulan VINCI	Majikan anda membayar anda bonus sama dengan bilangan saham bonus yang pada awalnya diberi, didarab dengan harga langganan satu saham VINCI dalam euro seperti dinyatakan dalam tawaran CASTOR INTERNATIONAL 2015. Untuk negara-negara di luar zon euro, kadar pertukaran yang digunakan adalah kadar pada tarikh anda meninggalkan syarikat. Sebagai balasan, anda tidak akan menerima saham bonus.
<ul style="list-style-type: none">• Perletakan jawatan atau pemberhentian kerja kerana salah laku	Anda dengan segera dan muktamad akan hilang faedah saham bonus.
<ul style="list-style-type: none">• Permohonan untuk pelepasan awal simpanan anda	Anda dengan segera dan muktamad akan hilang faedah saham bonus.

* Syarikat-syarikat di mana VINCI memegang lebih daripada 50% ekuiti secara langsung atau tidak langsung adalah layak untuk skim ini.

► Dividen yang dibayar oleh VINCI

Anda akan menerima dividen, jika berkenaan, dibayar oleh VINCI dari tarikh langganan saham melalui FCPE (dana pemegangan saham pekerja) dan juga bagi saham bonus setelah ia telah diberikan. Dividen dibayar bagi saham-saham yang dipegang melalui CASTOR INTERNATIONAL FCPE (dana pemegangan saham pekerja) akan dilaburkan semula secara automatik dalam dana tersebut dan akan menghasilkan terbitan unit-unit baharu untuk anda.



► Bayaran kos oleh syarikat anda

Sebagai seorang pekerja, anda tidak menanggung yuran simpanan akaun, dan tiada yuran kemasukan.

Sebagai pulangan untuk faedah-faedah ini, anda bersetuju:

- kepada tiga tahun tempoh sekatan untuk simpanan anda (kecuali dalam kes-kes pelepasan awal yang dinyatakan pada mukasurat sebelah);
- kepada risiko yang terlibat dalam pelaburan saham, dan modal anda mungkin akan naik dan juga turun;
- kepada risiko-risiko yang dikaitkan dengan turun naik Ringgit Malaysia berbanding Euro.

Bagaimanakah **saya boleh** **menyertai pelan tersebut?**



► **Siapa?** Semua pekerja dengan kontrak pekerjaan semasa dalam syarikat Kumpulan VINCI yang merupakan ahli Pelan Pemilikan Saham dan Simpanan Kumpulan Antarabangsa, dan sesiapa yang telah bekerja dengan syarikat tersebut untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan (sama ada berturutan atau tidak) dalam 12 bulan yang lepas. Tawaran ini tidak dibuka untuk para penduduk Amerika Syarikat. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peraturan Dana dan dokumen maklumat pelabur penting untuk dana pemegangan saham pekerja CASTOR INTERNATIONAL.

► **Bagaimana?** Hanya lengkapkan, tandatangan dan letakkan tarikh pada borang langganan dan kembalikannya bersama bayaran anda kepada jabatan sumber manusia anda atau pegawai daftar gaji.

► **Berapa banyak?** Sumbangan minimum adalah harga langganan satu saham VINCI (iaitu lebih kurang Ringgit Malaysia

181.19 seperti pada 21/11/2014). Harga akhir akan ditetapkan berdasarkan harga langganan dalam euro dan kadar pertukaran rasmi pada 30/04/2015. Sumbangan maksimum tidak boleh melebihi 25% gaji tahunan kasar anda untuk 2015.

► **Harga langganan?** Harga langganan akan ditentukan oleh Pengurus & Ketua Pegawai Eksekutif, yang telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah. Harga akan ditetapkan pada 30/04/2015, dan akan bersamaan dengan harga purata buka saham untuk 20 hari dagangan sebelumnya sebelum permulaan tempoh langganan.

► **Bila?** Terdapat had masa bagi tawaran ini. Tempoh langganan bermula dari 4 Mei sehingga 22 Mei 2015. Borang-borang langganan yang dihantar selepas tarikh ini tidak akan diterima.

Bila dan di bawah syarat apakah **saya boleh** **mengakses simpanan saya?**

► Untuk mengakses simpanan anda:

Anda patut menghubungi jabatan sumber manusia atau jabatan daftar gaji anda.

► Untuk tiga tahun selepas langganan: iaitu sehingga 15 Jun 2018

Pelaburan anda disekat. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, seperti kematian, kehilangan upaya atau penamatan kontrak pekerjaan anda (persaraan, perletakan jawatan, pemberhentian kerja), anda boleh memohon untuk pelepasan awal simpanan anda.

Dalam kes-kes ini, peraturan khusus terpakai berkaitan dengan hak-hak terhadap saham bonus (lihat mukasurat 3).

► Selepas tiga tahun: iaitu dari 16 Jun 2018

Simpanan anda tersedia untuk anda dan saham bonus VINCI akan diberi, jika anda masih lagi pekerja Kumpulan dan anda menyimpan semua pelaburan awal anda. Anda kemudiannya bebas untuk memegang saham VINCI anda dalam CASTOR INTERNATIONAL FCPE (dana pemegangan saham pekerja) atau untuk menjual semua atau sebahagian daripadanya pada bila-bila masa.

► Nilai simpanan anda sentiasa bergantung kepada harga saham VINCI

Anda boleh menyemak nilai simpanan anda di www.amundi-tc.com pada bila-bila masa, atau pada penyata akaun yang dihantar kepada anda.

Simulasi* nilai simpanan anda pada penghujung tempoh tiga tahun berdasarkan andaian harga langganan saham VINCI €45:

		SUMBANGAN PERIBADI ANDA		Pembelian 10 saham	450 €	Pembelian 40 saham	1,800 €	Pembelian 100 saham	4,500 €
Jika nilai saham VINCI	naik sebanyak 30% (harga saham €58.50)	simpanan anda ⁽¹⁾		1,755 €		5,265 €		10,530 €	
		keuntungan kasar ⁽²⁾		1,305 €		3,465 €		6,030 €	
	kekal pada €45	simpanan anda ⁽¹⁾		1,350 €		4,050 €		8,100 €	
		keuntungan kasar ⁽²⁾		900 €		2,250 €		3,600 €	
	jatuh sebanyak 30% (harga saham €31.50)	simpanan anda ⁽¹⁾		945 €		2,835 €		5,670 €	
		keuntungan kasar ⁽²⁾		495 €		1,035 €		1,170 €	

*Contoh-contoh ini diberikan sebagai ilustrasi sahaja dan tidak memberikan tanda harga saham VINCI atau jumlah dividen yang kemungkinan dibayar kepada Dana untuk pelaburan semula bagi meningkatkan nilai simpanan anda.


(1) Saham yang dibeli + saham percuma.

(2) Sebelum sumbangan dividen, cukai dan khidmat sosial.

Amaran: Adalah diingatkan kepada semua pelanggan bahawa terdapat risiko yang wujud dalam pelaburan dalam unit FCPE (dana pemegang saham pekerja) yang dilaburkan dalam saham. Risiko-risikonya termasuk kehilangan modal dan risiko bahawa nilai pelaburan anda mungkin naik dan juga turun, di bawah pengaruh faktor-faktor dalam dan luaran kepada dana.

Dokumen ini bukanlah perjanjian kontraktual. Ia melengkapkan KIIDS untuk CASTOR INTERNATIONAL Relais 2015 FCPE (dana pemegang saham pekerja sementara) dan CASTOR INTERNATIONAL FCPE (dana pemegang saham pekerja) yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pasaran Kewangan Perancis (AMF) dan peraturan-peraturan Pelan Pemilikan Saham dan Simpanan Kumpulan Antarabangsa. Dokumen-dokumen ini tersedia di Intranet VINCI. Semua tarikh yang diberikan dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada perubahan sekitaranya berlaku peristiwa yang menjelaskan kelancaran operasi. VINCI berhak untuk membatalkan pelan tersebut pada bila-bila masa.

**Untuk maklumat lanjut,
jangan ragu-ragu untuk
bertanya kepada jabatan
sumber manusia atau
jabatan daftar gaji.**



GLOSARI

Saham: instrumen kewangan mewakili sebahagian kecil modal syarikat. Dengan memiliki saham dalam syarikat, para pemegang saham memiliki sebahagian daripada syarikat.

Saham bonus: saham yang diberikan kepada benefisiari secara percuma.

Dividen: sebahagian keuntungan bersih syarikat yang dibayar kepada para pemegang saham.

FCPE (dana pemegangan saham pekerja) atau dana: FCPE adalah portfolio sekuriti yang dimiliki bersama dibahagikan kepada unit-unit dan dikhurasukan untuk para pekerja salah sebuah atau beberapa buah syarikat. Dengan melabur dalam FCPE (dana pemegangan saham pekerja), para pekerja menjadi 'pemegang unit' dana tersebut.

Bagaimakah pelan tersebut berfungsi: dana sementara

Saham-saham VINCI yang dilanggan melalui sumbangan para pekerja akan dipegang dalam dana pemegang saham pekerja sementara CASTOR INTERNATIONAL Relais 2015, yang akan digabungkan ke dalam dana CASTOR INTERNATIONAL sedia ada, sebaik sahaja diluluskan oleh Lembaga Penyeliaan dan Pihak Berkuasa Pasaran Kewangan Perancis (AMF). Dalam tawaran ini, anda akan terlebih dahulu memegang unit dalam dana pemegang saham pekerja sementara. Selepas penggabungan, anda akan memegang unit dalam dana CASTOR INTERNATIONAL.

Saham:

Saham bonus:

Dividen:

FCPE (dana pemegangan saham pekerja) atau dana:

Bagaimakah pelan tersebut berfungsi: dana sementara